

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche
Hussein Onn semasa Meresmikan Pembukaan
Sekolah Rendah Jalan Raja Muda, Kuala
Lumpur pada hari Sabtu 22hb. Mei, 1971
Jam 9.30 pagi.

Saya ucapkan terima kasih kepada ahli2 Lembaga Pengurus,
Guru2 dan Ibu2 bapa Sekolah Rendah Jalan Raja Muda kerana menjemput saya
menghadhiri upacara pembukaan resmi sekolah yang chantek ini pada pagi
ini.

Sekolah yang berharga lebih kurang 200,000 ringgit telah siap
di-bena pada penghujung tahun 1967. Pada mula-nya murid2 sekolah ini telah
menumpang belajar di-tiga buah sekolah pada tahun 1966 ia-itu di-Sekolah
Hishamuddin Jalan Swettenham, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Sentul
dan di-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China, Sentul. Tetapi pada hari ini
guru2, murid2 serta ibu2 bapa patut-lah berasa shukor kerana mempunyai sebuah
bangunan sendiri yang pada masa ini menempatkan seramai lebih kurang 1,500
orang murid yang belajar dalam dua bahagian, ia-itu separoh di-sabelah
pagi dan yang lain-nya di-sabelah petang.

Mengenai kemajuan pelajaran sukalah saya memberitahu tuan2 dan
puan2 ia-itu Kementerian saya akan berusaha lebih giat lagi untuk memperbaiki
keadaan2 yang tidak seimbang dalam pelajaran seperti peluang2 dan bahan2
di-antara sekolah2 di-kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Selain daripada
itu, saya akan berusaha untuk membaiki sistem dalam kedua2 aspek 'quantity'
dan 'quality' pelajaran di-semua peringkat dengan harapan boleh memberikan
sumbangan ka-arah kemajuan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara
kita.

Dari apa yang telah saya sebutkan tadi adalah nyata bahawa semenjak
Penyata Razka mula2 di-terima perubahan2 telah berlaku dalam pelajaran.
Penyata itu menyatakan kadar perubahan yang akan berjalan dengan tegas-nya.

Saya suka menyatakan di-sini bahawa matlamat yang paling besar ialah
mengarah kepada pembenaan negara. Telah di-akui oleh semua pihak peri
penting-nya satu bahasa di-gunakan untuk membena negara. Dengan hal yang
demikian telah pun di-persetujui bahawa Bahasa Melayu di-jadikan Bahasa
Malaysia negara kita, dan ini telah pun di-maktubkan dalam Perlembagaan kita.
Apa yang kita usahakan hari ini, ia-lah melaksanakan dasar ini. Melalui
dasar ini-lah Kerajaan yakin, kita dapat membena satu rupa bangsa Malaysia
yang bersatu padu dan tidak lagi ada-nya kata2 yang menyatakan saya orang
China Malaysia, orang India Malaysia, tetapi adalah rakyat Malaysia.
Untuk menchapai matlamat ini, sukalah saya ingatkan bahawa ia-nya bukan
tertanggung semata2 di-atas bahu Kerajaan dan guru2 malahan tiap2 orang
rakyat yang chintakan Malaysia dan mempunyai taat setia yang tidak berbelah
bagi; dan oleh itu wajib terdapat kerjasama antara satu dengan yang lain
ka-arah menchapai chita2 itu.

Sekarang saya suka menyentuh perkembangan Kutub-Kanah di-sekolah2 kita. Kutub-Khanah amat penting bagi tiap2 pelajar. Kementerian saya menggalakkan penubohan Kutub-Khanah di-sekolah2 dan boleh-lah di-katakan banyak di-antara sekolah2 menengah di-negeri kita ini mempunyai Kutub-Khanah yang terbentok dengan ada-nya kerjasama dari raayat jelata yang telah mendermakan buku2 ilmiah, cherita dan sebagai-nya. Sunggoh pun demikian, saya berasa banyak kemajuan yang boleh kita buat dalam segi Kutub-Khanah ini. Oleh itu Kementerian saya sedang berusaha mendapatkan pakar2 Kutub-Khanah untok melateh guru2 kita dalam pengetahuan ini. Saya jangka pada tahun 1972, kita akan dapat melateh guru2 dalam perkara ini dengan tujuan agar guru2 ini pula, satelah menjalani latehan tersebut, dapat memberi tunjok ajar yang baik kepada murid2 tentang chara menggunakan buku2 yang ada tersimpan di-Kutub-Khanah mereka. Saya menggesa anak2 kita menggunakan Kutub-Khanah dengan sapenoh2-nya oleh kerana dengan berbuat demikian mereka dapat menambah pelajaran dan pengetahuan mereka dari apa yang di-ajar oleh guru2 mereka.

Kalau sa-sabuah sekolah ada mempunyai Kutub-Khanah yang lengkap, maka ia akan menjadi tumpuan murid2 kita berkumpul dan menambahkan lagi pengetahuan mereka. Ini tidaklah bermaana Kutub-Khanah yang lengkap itu mesti berhawa dingin, tetapi kalau ada lebeh baik. Juga saya berharap ibu2 bapa, murid2 tua dan para dermawan agar menghadiahkan buku2 akademik, cherita dan majallah2 dan lain2 kepada Kutub-Khanah2 sekolah supaya peluang membacha untok menambah pengetahuan anak2 kita bertambah baik dari satu masa ka-satu masa. Kapada orang ramai yang telah menghadiahkan buku2 mereka dan sumbangan yang lain kapada Kutub-Khanah2 sekolah saya ucapkan terina kaseh.

Bagi mengakhiri ucapan ini saya suka mengucapkan terima kaseh kapada semua di-sekolah ini kerana telah dapat menggatornakan upachara yang meriah saperti ini dan di-harap mereka akan terus berusaha untok memimpin dan menunjak ajar anak2 kita agar mereka berjaya dalam pelajaran mereka.

Saya dengan segala sukachita-nya merasmikan pembukaan Sekolah Rendah Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur.



No. Siri	614
No Penerimaan	7/84